

'Biar Dr Mahathir kekal PM'

Azmin ambil pendirian beri sokongan hingga habis penggal PRU-14

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Mohamed Azmin Ali semalam mengambil pendirian menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Timbalan Presiden PKR itu berkata, rakyat menyerahkan mandat kepada pentadbiran sedia ada untuk mentadbir kerajaan bagi tempoh lima tahun pada PRU-14.

Pendirian Mohamed Azmin itu sekali gus bertentangan dengan konsensus Pakatan Harapan (PH) yang membabitkan pertukaran Perdana Menteri kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam tempoh penggal PRU-14 seperti dilaporkan sebelum ini.

Malah, Mohamed Azmin juga

menyifatkan pihak yang mahu mengubah pentadbiran lebih awal daripada itu, sama ada satu atau dua tahun, sebagai kerajaan 'pintu belakang'.

Ahli Parlimen Gombak itu turut menegaskan perjanjian peralihan kuasa Perdana Menteri itu hanya satu semangat dan persefahaman tanpa ditetapkan sebarang tempoh.

"Sepatutnya biarlah Tun Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri sehingga selesai tempoh penggal ini kerana itu mandat diberikan rakyat," katanya ketika ditemui pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan beberapa portal berita yang turut mengaitkan namanya sebagai antara individu yang berusaha mewujudkan kerajaan baharu tanpa DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH).

Turut dikaitkan adalah bekas Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, yang disebut sebagai mengetuai kempen berkenaan tetapi menafikannya.

Sebelum ini, Anwar dilaporkan membayangkan akan mengambil alih tampuk pentadbiran negara daripada Dr Mahathir sekitar tahun depan, iaitu dua tahun se-



*"Sepatutnya
biarlah Tun
Dr Mahathir Mohamad
kekal sebagai Perdana
Menteri sehingga
selesai tempoh penggal
ini kerana itu mandat
diberikan rakyat."*

*Mohamed Azmin Ali,
Timbalan Presiden PKR*

lepas Pakatan Harapan (PH) mentadbir.

Anwar turut dilaporkan berkata, wujud perjanjian bertulis menyatakan beliau akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir, yang

dipersetujui semua parti komponen PH dan dinyatakan kepada umum sebelum PRU-14.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin menyifatkan pihak yang mengaitkannya untuk menubuhkan kerajaan pintu belakang adalah kenyataan kumpulan yang terdesak dan ghairah mahu berkuasa.

"Saya cabar mana-mana individu menyatakan kepada umum ada persetujuan dalam satu tempoh terdekat (untuk peralihan kuasa). Tidak ada.

"Jadi semua pihak dan media perlu hentikan (isu peralihan kuasa) kerana ini menjejaskan ekonomi negara. Terlalu banyak ketidakpastian, pelabur asing dan domestik bimbang ini berterusan.

"Saya harap kita hentikan perbincangan mengenai peralihan kuasa, tumpu bangun ekonomi dan membantu rakyat serta beri sokongan padu pada Dr Mahathir untuk terus memimpin.

"Ini memberi jaminan kepada pelabur bahawa politik Malaysia stabil, ekonomi Malaysia beralih ke landasan yang betul dan mewujudkan pertumbuhan lebih baik, mewujudkan pekerjaan dan memberi kemakmuran kepada semua," katanya.